

**BERITA ONLINE
KOSMO
TARIKH : 23 SEPTEMBER 2021 (KHAMIS)**



HANYA GUNA PFIZER UNTUK REMAJA

- Oleh MOHD RASDAN AHMAD
- 23 September 2021, 6:07 pm



Gambar hiasan

PETALING JAYA – Hanya vaksin jenis Pfizer-BioNTech yang akan digunakan kepada lebih dua juta remaja berusia antara 12 hingga 17 tahun di negara ini.

Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Seri Dr. Adham Baba menjelaskan, keputusan tersebut dibuat oleh Bahagian Regulatori Farmasi Negara (NPRA) dengan mengambil kira kualiti, keselamatan dan keberkesanan vaksin jenis itu kepada kanak-kanak.

“Kerajaan memberi jaminan akan memberikan suntikan vaksin jenis Pfizer kepada pelajar sekolah, kerajaan sudah jalankan program pemberian vaksin kepada pelajar sekolah baru-baru ini dan akan diperluaskan ke seluruh negara dalam masa terdekat.

“Pfizer dipilih dalam pemberian vaksin untuk remaja sekolah kerana data klinikal mengenai keberkesanan dan selamat digunakan ke atas kanak-kanak menunjukkan kebaikan lebih daripada kemudaratan,” katanya ketika sesi penggulangan ucapan menjunjung kasih Titah Diraja Yang di-Pertuan Agong di Parlimen hari ini.

Beliau berkata demikian ketika menjawab celahan RSN Rayer (Jelutong-PH) yang meminta kerajaan memberikan jaminan bahawa hanya akan menggunakan vaksin jenis itu dalam program pemberian vaksin Covid-19 kepada remaja berusia 12 hingga 17 tahun berikutan pembukaan semula sesi persekolahan pada 3 Oktober depan.

Tambah Adham, ketiga-tiga vaksin yang awal diluluskan oleh NPRA iaitu Pfizer, Sinovac dan AstraZeneca adalah selamat digunakan dan tidak memberikan kesan sampingan yang teruk.

Malah katanya, vaksin Sinovac mampu mencegah penerimanya mengalami kesan jangkitan akibat jangkitan COVID-19 yang teruk sebanyak 100 peratus daripada memasuki tahap lima, manakala Pfizer lebih 90 peratus, sekali gus melindungi penerima daripada mengalami kesan sampingan teruk jika terkena jangkitan Covid-19. -K! ONLINE